Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



■SENYUM gembira Dato Seri Dr. Mahathir sendiri dan isterinya, Datin Seri Siti Hasmah serta tepukan orang-orang di belakang sudah tentu menunjukkan Timbalan Perdana Menteri mencapai kemenangan di kawasan pilihanraya Parlimennya.
Gambar ini diambil di Sri Taman.



■KERANA terlalu letih setelah berkempen dua minggu, Timbalan Perdana Menteri terpaksa tidur sebentar walaupun di atas kerusi di Sri Taman semasa menunggu keputusan-keputusan pilihanraya umum pagi semalam.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berada di Sri Taman semalaman setelah membuang undinya di Titi Gajah di Alor Setar pagi kelmarin bersama isterinya.

Timbalan Perdana Menteri telah memenangi kerusi Parlimen kawasan Kubang Pasu, menewaskan calon PAS, Halim Arshat dengan majoriti lebih 8,000 bila keputusannya diumumkan kira-kira subuh pagi semalam.